

**PENILAIAN APLIKASI e-RANCANG DI DALAM MEMPROSES
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI MAJLIS PERBANDARAN
KUANTAN (PERSPEKTIF KAKITANGAN JABATAN)**

SURYATI BINTI MOHD APANDI

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

Disember 2005

ABSTRAK

Kemajuan dan perkembangan pembangunan kawasan Bandar adalah amat bergantung kepada kecekapan aktiviti kawalan pembangunan yang dilihat sebagai aktiviti terpenting sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di dalam mempertingkatkan kecekapan sistem kawalan pembangunan, jururancang terutamanya memerlukan data-data perancangan yang sentiasa dikemaskini sebagai asas kepada keputusan yang akan dibuat semasa meluluskan permohonan perancangan. Ini telah dilihat sebagai masalah utama kepada PBT terutamanya dalam mengumpulkan data-data perancangan. Satu jalan penyelesaian bagi permasalahan ini ialah dengan penggunaan e-Rancang. E-Rancang merupakan suatu sistem pengurusan perancangan berasaskan komputer yang membantu PBT di dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan pemprosesan dan kelulusan perancangan. Walaupun perkembangan sains dan teknologi semakin meningkat, namun penggunaan sistem teknologi tersebut masih diperingkat baru dan tidak ramai yang mahir menggunakannya, Majlis Perbandaran Kuantan merupakan salah satu PBT yang telah menyedari tentang kepentingan teknologi maklumat dan telah mengaplikasikan sistem e-Rancang dan mengambil langkah merealisasikan matlamat kerajaan elektronik dengan membangunkan sistem e-Rancang. Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau keperluan dan pembaikan terhadap aplikasi sedia ada. Kawasan kajian yang dipilih adalah di Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Majlis Perbandaran Kuantan. Rumusan kajian ini mendapati bahawa beberapa aspek perlu dipertingkatkan dan diperbaiki lagi bagi melancarkan penggunaan e-Rancang ini dengan sepenuhnya pada masa hadapan.

ABSTRACT

City Development and growth very much depend on the effectiveness of the development control activities of the Local authority. To increase the effectiveness of the development control system town planners require continuously updated relevance data as the basis for decision making. This has been seen as a major problem to local authorities. One of solutions to the problems is to use an e-Planning approach. E-Planning is computer based planning management system that assists local authorities to increase the quality services in the management process of the planning approval. However the use of this system is at an initial stage thus many of the manpower are still un-skilled to use the system. The Majlis Perbandaran Kuantan is one of the local authorities fully aware of the needs to use information technology and to apply the e-Planning system as a way to increase efficiency and productivity in the development control process. This study therefore is conducted to analyze the usage of the system in the Majlis Perbandaran Kuantan. The findings of the study have found that several aspects need to be upgraded in order to facilitate the full use of the e-planning approach in the future.